



# BELANJAWAN NEGERI SABAH

# 2024

24 NOVEMBER 2023

OLEH :

Y.B DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI BIN MANJUN  
MENTERI KEWANGAN SABAH



**“SABAH TEGUH, RAKYAT TERBELA”**





**UCAPAN BELANJAWAN NEGERI SABAH**

**TAHUN 2024**

**OLEH**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MASIDI BIN MANJUN**  
**Menteri Kewangan Sabah**

**Di Persidangan Dewan Undangan Negeri**

**PADA**

**24 November 2023 (Jumaat)**  
**Bersamaan 10 Jamadilawal-1445 Hijrah**

**“SABAH TEGUH, RAKYAT TERBELA”**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani dan

Salam Sabah Maju Jaya

Tuan Speaker,

1. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya mohon izin untuk membentangkan cadangan **Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024** untuk kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

#### **MUKADIMAH**

2. Alhamdulillah. Setinggi-tinggi rasa kesyukuran dan segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah Subhannahu Wa Ta'ala kerana dengan izinNya, dapat saya berdiri di Dewan yang Mulia ini untuk melaksanakan amanah membentangkan **Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024** pada petang Jumaat yang penuh keberkatan ini.
3. Semoga Tuhan Yang Maha Esa merahmati dan melancarkan perancangan dan usaha-usaha kita. Semoga negeri kita terus beroleh kemajuan dan kemakmuran berkat kerjasama yang dipikul bersama Kerajaan dan rakyat.
4. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji bin Haji Noor yang telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk menggalas tanggungjawab sebagai Menteri Kewangan Sabah seterusnya membentangkan Belanjawan bagi tahun 2024. Saya juga amat menghargai dan mengharapkan agar semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini untuk bersama-sama memberi komitmen dan menghayati intipati **Belanjawan 2024**.

## PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI DUNIA DAN MALAYSIA

### Ekonomi Dunia

Tuan Speaker,

5. Pada tahun ini, ekonomi dunia semakin beransur pulih daripada impak wabak pandemik COVID-19. Pembukaan semula ekonomi China serta kestabilan rantai dan pasaran bekalan makanan turut menyumbang kepada fasa pemulihan ini. Walau bagaimanapun, kesan perang Rusia-Ukraine dan sekatan perdagangan telah membawa impak negatif kepada seluruh dunia. Keadaan ini dapat dicerminkan melalui unjuran oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di mana kadar pertumbuhan ekonomi dunia menurun daripada 3.5 peratus pada tahun 2022 kepada 3.0 peratus bagi tahun 2023 dan 2024.

6. Senario politik negara-negara maju dijangka terus menjadi faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dunia. Bagi tahun 2023, pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat diunjurkan pada kadar 1.8 peratus, diikuti dengan United Kingdom pada kadar 0.4 peratus dan Jerman menguncup pada kadar 0.3 peratus.

7. Pertubuhan Perdagangan Dunia meramalkan pertumbuhan perdagangan dunia kekal lemah dengan kadar 1.7 peratus dalam perdagangan barang dunia pada tahun 2023 dan 3.2 peratus pada tahun 2024. Kadar inflasi global turut menunjukkan penurunan yang signifikan iaitu 8.7 peratus pada tahun 2022, 6.8 peratus pada tahun 2023 dan jangkaan 5.2 peratus pada tahun 2024.

### Ekonomi Malaysia

Tuan Speaker,

8. Berdasarkan kepada tinjauan terbaru IMF, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka sederhana bagi tahun 2023 iaitu pada kadar 3.9 peratus lebih rendah berbanding 8.7 peratus pada tahun 2022. Unjuran ini berikutan permintaan luar yang lemah dan amat sensitif terhadap prestasi ekonomi Amerika Syarikat dan China.

9. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun ketiga meningkat 3.3 peratus menjadikan pertumbuhan dalam tempoh sembilan bulan 2023 sebanyak 3.9 peratus. Angka ini selaras dengan unjuran Kerajaan iaitu sekitar 4 peratus bagi tahun 2023. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada separuh pertama tahun 2023 adalah 4.2 peratus sejajar dengan unjuran Bank Negara Malaysia. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor perkhidmatan, pembinaan, pembukaan semula sektor pelancongan, kemajuan dalam pasaran buruh, penurunan kadar inflasi serta peningkatan jumlah pelaburan yang berimpak tinggi di negara ini. Ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang daripada 4 hingga 5 peratus pada tahun 2024.

## **PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI SABAH**

Tuan Speaker,

10. Ekonomi negeri Sabah semakin memulih dengan mencatatkan pertumbuhan menggalakkan iaitu pada kadar 3.7 peratus pada tahun 2022 berbanding 1.5 peratus pada tahun sebelumnya. Jumlah KDNK Sabah juga menunjukkan sedikit peningkatan iaitu RM79 bilion pada tahun 2021 kepada RM81.9 bilion pada tahun 2022, manakala KDNK per kapita Sabah pula meningkat kepada RM35,766 pada tahun 2022 berbanding RM30,022 pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini antaranya didorong oleh pemulihan semula sektor-sektor ekonomi utama di negeri Sabah.

Tuan Speaker,

11. Dalam tempoh Januari hingga Ogos 2023, negeri Sabah telah mencatatkanimbangan perdagangan sebanyak RM13 bilion berbanding RM24 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2022 iaitu penguncutan sebanyak 45.8 peratus. Ini didorong oleh penyusutan jumlah nilai eksport bagi komoditi utama negeri khususnya petroleum mentah (CO) dan minyak sawit mentah (CPO).

12. Penyusutan nilai eksport CO adalah berpunca daripada penurunan kuantiti eksport sebanyak 7.8 peratus dan penurunan harga pasaran. Harga purata CO dalam tempoh tersebut telah menurun sebanyak 24.5 peratus iaitu USD 80.59 setong berbanding USD 106.74 setong pada tahun 2022. Ini menyebabkan nilai eksport CO Sabah telah menurun sebanyak 21.1 peratus.

13. Kejatuhan nilai eksport CPO pula adalah disebabkan oleh penurunan harga pasaran. Harga purata CPO ialah RM3,873.63 per tan metrik berbanding RM5,628.13 per tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak 31.18 peratus. Penurunan harga CPO ini telah menyumbang kepada penyusutan nilai eksport sebanyak 27.9 peratus.
14. Manakala, jumlah import direkodkan meningkat kepada RM27.3 bilion daripada RM26.4 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 3.4 peratus. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan nilai import barang utama negeri seperti jentera dan kelengkapan pengangkutan, makanan serta bahan api galian, pelincir dan sebagainya.
15. Sungguhpun demikian, saya optimis bahawa negeri Sabah berupaya mengekalkan momentum pertumbuhan positif pada tahun ini yang mana akan terus disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh, peningkatan pelaburan awam dan swasta serta pemulihan berterusan sektor-sektor ekonomi utama.
16. Selain itu, pertumbuhan ini turut didorong oleh pengukuhan pasaran buruh yang dapat dilihat melalui trend penurunan kadar pengangguran iaitu 7.5 peratus pada suku kedua tahun 2023 berbanding kadar 8.6 peratus pada tempoh yang sama tahun 2022. Dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak tinggi untuk mempergiat dan mempercepatkan pemulihian ekonomi, saya yakin secara keseluruhannya pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2024 akan kekal positif pada kadar sekitar 4 peratus.
17. Setakat bulan September 2023, inflasi negeri Sabah direkodkan pada kadar 1.8 peratus iaitu sedikit lebih rendah berbanding kadar inflasi nasional iaitu 1.9 peratus. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengawal kenaikan harga barang dan menstabilkan kadar inflasi di negeri ini agar dapat mengurangkan lagi bebanan dan tekanan kos sara hidup rakyat.

## MATLAMAT DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2024

Tuan Speaker,

18. Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi amat penting bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negeri ini. Maka dengan itu, hasil negeri perlu kekal kukuh bagi membolehkan pelan pembangunan dan pertumbuhan negeri dapat dirangka secara holistik agar manfaat dan kesan limpahannya dapat dinikmati seluruh rakyat di negeri ini.
19. Dengan mengambil kira unjuran positif ekonomi negeri pada tahun hadapan, kita dapat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memenuhi keperluan rakyat terutamanya kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang lebih baik.
20. Justeru itu, Belanjawan 2024 disediakan untuk mencapai **matlamat strategi-strategi perbelanjaan** seperti berikut:

Pertama : Meningkat dan memperkasakan pertumbuhan sektor-sektor utama iaitu pertanian dan keterjaminan makanan, perindustrian dan pelancongan;

Ke-2 : Memperkasa modal insan dengan memperkuatkkan pengetahuan, kemahiran dan kerohanian agar mempunyai jati diri yang tinggi;

Ke-3 : Menangani jurang sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pelbagai inisiatif yang menjurus kepada inklusiviti dan kesaksamaan;

Ke-4 : Membangun pembolehdaya bagi menyokong pembangunan ekonomi yang meliputi infrastruktur dan infostruktur asas serta kemudahan awam; dan

Ke-5 : Memperkasa keupayaan, kecekapan serta keberkesanan pentadbiran dan sistem penyampaian Kerajaan Negeri.

21. Selain daripada itu, pelaksanaan dasar perbelanjaan berhemat, membudayakan cara kerja efisien dan berintegriti akan melicinkan pentadbiran Kerajaan Negeri selaras dengan tema Belanjawan 2024.

#### **TEMA DAN FOKUS BELANJAWAN NEGERI TAHUN 2024**

Tuan Speaker,

22. Kesejahteraan hidup rakyat adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Dengan bertindak berlandaskan strategi-strategi yang telah dirangka tersebut, kehidupan rakyat akan terbela sekiranya ekonomi negeri kita membangun dengan teguh dan mampan.

23. Tema Belanjawan Negeri Tahun 2024 ialah **“SABAH TEGUH, RAKYAT TERBELA”**. Belanjawan ini dirangka khusus demi membela kesejahteraan hidup rakyat melalui pelaksanaan program pembangunan yang berterusan. Saya ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menyediakan Belanjawan yang holistik dan inklusif.

24. Bagi merealisasikan matlamat tema Belanjawan 2024, Kerajaan Negeri mencadangkan satu **Anggaran Perbelanjaan Perbekalan** sebanyak **RM5.701 bilion** dengan **Anggaran Hasil Negeri** sebanyak **RM5.737 bilion**. Ini bermakna, Belanjawan 2024 merupakan satu **Belanjawan Lebihan (Surplus Budget)** sebanyak **RM35.87 juta**.

#### **PERUNTUKAN TAHUN 2024 MENGIKUT KEMENTERIAN**

Tuan Speaker,

25. Belanjawan 2024 disediakan dengan agihan **Anggaran Perbekalan** dan **Anggaran Pembangunan** mengikut Kementerian seperti berikut:

Pertama : **Kementerian Kewangan**: RM2.48 bilion perbekalan, RM5 juta pembangunan;

- Ke-2 : **Kementerian Kerja Raya:** RM1.03 bilion perbekalan, RM689.66 juta pembangunan;
- Ke-3 : **Jabatan Ketua Menteri:** RM712.64 juta perbekalan, RM177.83 juta pembangunan;
- Ke-4 : **Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan:** RM363.91 juta perbekalan, RM189.16 juta pembangunan;
- Ke-5 : **Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah:** RM82.67 juta perbekalan, RM144.50 juta pembangunan;
- Ke-6 : **Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan:** RM184.71 juta perbekalan, RM25.32 juta pembangunan;
- Ke-7 : **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi:** RM180.13 juta perbekalan, RM9.15 juta pembangunan;
- Ke-8 : **Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat:** RM148.82 juta perbekalan, RM16.54 juta pembangunan;
- Ke-9 : **Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar:** RM120.87 juta perbekalan, RM21.04 juta pembangunan;
- Ke-10 : **Kementerian Belia dan Sukan Sabah:** RM88.67 juta perbekalan, RM11.5 juta pembangunan;
- Ke-11 : **Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan:** RM26.11 juta perbekalan, RM38 juta pembangunan;
- Ke-12 : **Perbelanjaan Tanggungan:** RM238.24 juta perbekalan; dan
- Ke-13 : **Perbelanjaan Yang Tidak Termasuk Dalam Kementerian-Kementerian:** RM43.33 juta perbekalan.

## ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2024

### ANGGARAN HASIL NEGERI

#### Hasil Negeri Tahun 2023 dan 2024

Tuan Speaker,

26. Alhamdulillah, dengan izin dan ketentuan-Nya, pada tahun lepas, Kerajaan Negeri sekali lagi telah melakar sejarah apabila pungutan hasil berjaya menembusi angka **RM6.96 bilion**. Sebagaimana yang kita sedia maklum, wajaran hasil Kerajaan Negeri banyak bergantung kepada komoditi CO dan CPO. Untuk tahun 2023, walaupun terdapat kejatuhan harga CO dan CPO, Anggaran Hasil Disemak diunjurkan akan kekal di paras RM6 bilion iaitu RM6.419 bilion.

27. Pada tahun 2024, hasil negeri dijangka akan mengalami penurunan disebabkan situasi geopolitik dan ekonomi yang tidak menentu sekaligus memberi kesan kepada harga komoditi CO dan CPO di pasaran global. Justeru itu, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan separa konservatif dalam penyediaan Anggaran Hasil Tahun 2024 agar kedudukan kewangan Kerajaan Negeri kekal kukuh.

28. Anggaran Hasil Bagi Tahun 2024 diunjurkan sebanyak **RM5.737 bilion** seperti pecahan berikut:

Pertama : **Hasil Cukai** sebanyak **RM2.636 bilion** disumbang oleh Cukai Jualan Negeri (CJN) RM2.490 bilion; Sewa Tanah RM103 juta; serta Cukai Pelabuhan dan Dermaga RM42.5 juta;

Ke-2 : **Hasil Bukan Cukai** sebanyak **RM2.372 bilion** merangkumi Royalti Petroleum RM1.3 bilion; Jualan Air RM300 juta; Faedah atas Baki Wang Tunai dan Simpanan Jangka Pendek RM201 juta; Premium Tanah RM150 juta; Dividen RM143.7 juta serta Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan RM133 juta; dan

- Ke-3 : **Terimaan Bukan Hasil** sebanyak **RM729.10 juta** iaitu merangkumi pulangan balik perbelanjaan, terimaan dan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan terimaan-terimaan lain.

### **Memampangkan Hasil Negeri**

Tuan Speaker,

29. Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap kedudukan hasil negeri. Melihat kepada senario dan prestasi pungutan hasil yang tidak menentu, pelbagai usaha dan penambahbaikan sentiasa dirancang, dilaksana serta dipergiat untuk memastikan hasil negeri kekal mampan. Antara usaha-usaha dan tindakan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pertama : Kementerian Kewangan Negeri sedang melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri bagi pembayaran dua produk CJN iaitu Komoditi Perikanan serta Besi Buruk dan Buangan yang dibawa keluar dari Sabah. Justeru itu, saya menggesa agar syarikat-syarikat terlibat tampil secara sukarela untuk mendaftar lesen dan mengisytiharkan cukai yang sepatutnya dibayar selaras dengan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998;

Ke-2 : Memperkasakan penguatkuasaan untuk mendapatkan tunggakan hasil dan menangani ketirisan hasil dengan bantuan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Malaysian Palm Oil Board (MPOB) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia;

Ke-3 : Memastikan pematuhan terhadap Surat Pekeliling Kementerian Kewangan berkenaan Garis Panduan Terimaan Hasil Negeri Secara Elektronik Melalui Kaedah Tanpa Tunai (*Cashless*);

Ke-4 : Meneroka sumber-sumber yang berpotensi dijadikan sebagai sumber hasil baharu Kerajaan Negeri; dan

Ke-5 : Meneruskan tuntutan bersama Kerajaan Persekutuan berkenaan Pemberian Khas sepetimana yang dinyatakan dalam Bahagian IV, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker,

30. Meningkatkan kualiti kehidupan rakyat merupakan visi setiap pemimpin. Namun, tanpa sumber kewangan yang kukuh semua yang direncanakan akan menjadi sia-sia. Maka dengan itu, Kerajaan Negeri tidak pernah berhenti untuk mencari, merancang dan melaksanakan pelbagai langkah dan cara untuk meningkatkan hasil dan mengukuhkan kedudukan kewangan negeri.

31. Di kesempatan ini, saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat agar bertanggungjawab dan menjawai dengan sepenuhnya setiap peranan dan tugas yang telah diamanahkan. Marilah kita bersama-sama menggalas amanah ini dengan semangat kerja berpasukan, dedikasi dan berani untuk menghadapi apa juga cabaran agar hasrat untuk memperkuuhkan kewangan negeri dapat dicapai. Insya-Allah.

## ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN 2024

Tuan Speaker,

32. Dalam mengekalkan kemampunan kedudukan kewangan negeri untuk terus kekal kukuh dan stabil, Kerajaan Negeri telah merangka strategi menerusi penganalisaan petunjuk-petunjuk dan ramalan ekonomi secara menyeluruh sebagai langkah persediaan menghadapi kelembapan ekonomi pada tahun 2024. Maka, Belanjawan 2024 disediakan dengan berpandukan unjuran hasil agar dapat mengekalkan Belanjawan Lebihan dan seterusnya dapat meningkatkan rizab negeri.
33. Bagi maksud melancarkan pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri, sebanyak **RM5.701 bilion** dicadangkan untuk **Anggaran Perbekalan Tahun 2024**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM4.751 bilion** diperuntukkan untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus dan **RM950 juta** untuk Pencaruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.
34. Peruntukan bagi Anggaran Perbekalan meningkat sebanyak **RM563.37 juta** atau **10.96 peratus** pada tahun 2024 berbanding anggaran asal tahun 2023 iaitu sebanyak **RM5.138 bilion** yang bertujuan untuk menampung **Perbelanjaan Emolumen, Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Khas**.
35. Sebanyak **RM808.06 juta** dicadangkan untuk **Perbelanjaan Emolumen** bagi membiayai gaji Penjawat Awam Negeri. Jumlah ini mencatatkan kenaikan sebanyak **RM15.78 juta** atau **2 peratus** berbanding peruntukan tahun lalu disebabkan kenaikan gaji tahunan.
36. Manakala, **Perbelanjaan Berulang** dicadangkan sebanyak **RM2.203 bilion** ataupun **38.64 peratus** iaitu kenaikan sebanyak **RM176.32 juta** atau **8.7 peratus** berbanding peruntukan asal tahun 2023. Peningkatan tersebut antara lain bagi menampung pembiayaan Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah; Bantuan Sosial Kepada Sekolah Berasrama dan Rumah Anak Yatim; Suruhanjaya Tenaga Sabah; Infrastruktur asas terutamanya memulihkan bekalan air; penyenggaraan cerun serta bangunan-bangunan kerajaan; penubuhan Jabatan Audit Dalam dan Unit Perubahan Iklim/Gas Rumah Kaca Negeri Sabah.

37. Agihan **Perbelanjaan Khas** dicadangkan sebanyak **RM1.74 bilion** atau **30.52 peratus**, mencatatkan kenaikan sebanyak **RM161.26 juta** atau **10.62 peratus** lebih tinggi daripada peruntukan asal tahun 2023. Kenaikan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri menangani isu keterjaminan makanan melalui penubuhan semula Lembaga Padi dan Beras Negeri Sabah, isu-isu infrastruktur serta kemudahan awam.

#### **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024**

Tuan Speaker,

38. Perbelanjaan Pembangunan sangat penting bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri. Justeru itu, saya mencadangkan sebanyak **RM1.328 bilion** diperuntukkan pada tahun 2024 untuk **Perbelanjaan Pembangunan**. Jumlah ini merangkumi sebanyak **RM847.23 juta** melalui **peruntukan negeri** dan **RM480.46 juta** melalui **Pinjaman Persekutuan** dan **Bayaran Balik Persekutuan (Federal Reimbursables)**.

39. Agihan peruntukan pembangunan mengikut sektor adalah seperti berikut:

- Sektor Ekonomi : **RM555.60 juta** atau **65.58 peratus**
- Sektor Sosial : **RM272.99 juta** atau **32.22 peratus**
- Sektor Pentadbiran Am : **RM18.64 juta** atau **2.2 peratus**

## SEKTOR UTAMA FOKUS PERTUMBUHAN EKONOMI

Tuan Speaker,

40. Menyedari kepentingan dan sumbangan tiga sektor pertumbuhan utama iaitu **pertanian, perindustrian** dan **pelancongan**, maka Kerajaan Negeri meneruskan komitmen dengan menyediakan peruntukan sebanyak **RM813.56 juta** untuk menyokong pembangunan ketiga-tiga sektor tersebut.

### SEKTOR PERTANIAN

41. Kerajaan Negeri berusaha meningkatkan hasil dan kualiti produk pertanian untuk memastikan tahap sara diri atau *self-sufficiency level (SSL)* semua bekalan bahan makanan terus meningkat. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mempergiatkan lagi usaha untuk memajukan **sektor pertanian**. Pelbagai inisiatif dan inovasi diperkenal dan dilaksanakan melalui program-program pembangunan tanaman, akuakultur, penternakan, perladangan getah dan pembangunan usahawan tani.

Tuan Speaker,

42. Ada *tamsilan* atau kata-kata hikmah lama suku kaum Dusun yang berbunyi “*kapanganak i do mongumo koirikau no basung, da do mongumo sangkatanaan. Oponu' nopo tangkob nga au no monowitil*”, yang membawa maksud “alang-alang bertani dengan hanya seluas tapak raga (*basung*), lebih baik kalau tanahnya seluas dipandang mata. Jika padi selalu penuh di kepuk, nescaya tiada yang kebuluran”.

43. Bagi menyahut cabaran keterjaminan makanan asas terutamanya beras, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi meningkatkan SSL beras daripada 22 peratus tahun ini kepada 31 peratus pada tahun 2025:

Pertama : Penubuhan semula Lembaga Padi Dan Beras Sabah dengan peruntukan sebanyak **RM1.82 juta** untuk tujuan pengurusan dan pentadbiran;

Ke-2 : Pemberian Insentif Pembajakan Sawah Padi dengan peruntukan sebanyak **RM18 juta**;

Ke-3 : Pemulihan tanah sawah terbiar, pembangunan padi tanah kering, penambahan bilangan jentera pembajak dan jentuai, pemberian baja pada kadar optimum serta pemberian subsidi penjualan padi kepada semua pengusaha dengan peruntukan sebanyak **RM5.16 juta**; dan

Ke-4 : Kajian terhadap varieti padi yang sesuai ditanam di kawasan sawah padi yang dimasuki air masin khususnya Pantai Timur Sabah akan diteruskan dan teknologi tanaman padi tanah kering juga akan diperkenalkan kepada petani.

44. Bagi sub-sektor tanaman yang lain, tumpuan akan diberi kepada pelaksanaan Pembangunan Komoditi Tanaman, Penyelidikan, Pengiktirafan dan Persijilan, Penguatkuasaan Kuarantin, Pembangunan Modal Insan, serta Usahawan Tani.

Tuan Speaker,

45. Bagi menjadikan Negeri Sabah sebagai salah satu hab makanan serantau, satu lagi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah dikenalpasti dan akan dibangunkan di Sungai Lokan, Kinabatangan. Ini menjadikan sejumlah 16 TKPM dibangunkan dengan jumlah keluasan 592.87 hektar dan melibatkan seramai 183 peserta.

46. Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran sedang menerokai satu bidang baharu penyelidikan iaitu bioteknologi tumbuhan khususnya biologi molekul bagi menghasilkan varieti baharu yang mempunyai tempoh masa matang yang singkat, tahan terhadap serangan penyakit dan mengeluarkan hasil tanaman yang berkualiti.

Tuan Speaker,

47. **Sub-sektor perikanan** merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK di bawah sektor pertanian bagi tahun 2022. Imbangan Perdagangan (*Balance of Trade*) dalam sektor ini juga menunjukkan angka positif lebih kurang **RM600 juta hingga RM900 juta** setiap tahun. Justeru itu, sebanyak **RM41.61 juta** diperuntukkan untuk sub-sektor perikanan bagi meneruskan program-program pembangunan dan sokongan yang membantu menjamin pengeluaran hasil perikanan untuk pasaran domestik dan

antarabangsa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM10.43 juta** telah diperuntukkan di bawah pembangunan untuk membiayai antara lain seperti aktiviti konservasi melalui penempatan tukun tiruan dan aktiviti tagal.

48. Di samping itu, usaha penguatkuasaan bagi menangani isu *Illegal, Unreported, and Unregulated Fishing* dipergiatkan terutamanya isu pengeboman ikan. Hasil daripada penguatkuasaan tersebut, sebanyak 49 kes dengan 4 kes mahkamah berjaya direkod oleh Jabatan Perikanan Sabah pada tahun ini.

49. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk **meneroka Ekonomi Biru** yang bertujuan untuk pembangunan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Konsep Ekonomi Biru ini merupakan penerokaan sumber laut yang menekankan pengurusan marin dan pantai secara lestari. Sebagai contoh pemuliharaan hutan bakau, perikanan dan akuakultur, tenaga boleh diperbaharui, pelancongan dan rekreasi, perubahan iklim dan lain-lain. Oleh itu, Kerajaan akan melaksanakan penerokaan baharu ini dengan kerjasama pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Ekonomi Biru pada bulan Februari tahun 2024.

50. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) diperuntukkan sebanyak **RM15.99 juta** bagi meneruskan pelaksanaan program dan projek pembangunan yang akan memberi manfaat kepada komuniti nelayan, pengusaha kecil dan sederhana serta pembangunan industri perikanan dan akuakultur.

Tuan Speaker,

51. Bagi **sub-sektor ternakan**, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak **RM99.05 juta** bagi perbelanjaan mengurus serta pelaksanaan 43 projek pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan keterjaminan makanan berdasarkan ternakan yang berkualiti dan meningkatkan tahap keselamatan makanan. Di samping itu, pelbagai program dilaksanakan bagi membantu para pengusaha dalam industri ternakan untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan pendapatan.

52. **Korporasi Pembangunan Desa** (KPD) yang diperuntukkan sebanyak **RM21** juta turut menyokong usaha kerajaan melaksanakan program keterjaminan makanan terutamanya pengeluaran hasil penternakan ayam pedaging dan ayam kampung. Usaha ini akan memberi impak dalam peningkatan hasil pertanian dan makanan dalam negeri serta memberi peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan kepada seramai 1,580 peserta luar bandar golongan B40.

53. Selain daripada kerjasama dengan pekebun-pekebun dan penternak kecil, kerjasama dan penglibatan Agensi Awam Negeri adalah dialu-alukan. Setakat ini, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah juga telah menunjukkan komitmen untuk terlibat dalam usaha ini.

54. Bagi program menaiktaraf infrastruktur **pengairan dan saliran** di seluruh negeri, sebanyak **RM168.34** juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan mengurus, pembangunan dan Bayaran Balik Persekutuan. Pelaksanaan program pengairan dan saliran bukan sahaja dapat meningkatkan pembolehdaya pengeluaran padi negeri tetapi juga mengurangkan kesan bencana banjir terhadap nyawa, harta benda dan kehidupan harian rakyat. Antara lain projek yang akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan ialah projek Menaiktaraf Skim Pengairan Gana Tambunan dan Projek Rancangan Tebatan Banjir Tambalang Pendamai, Tuaran.

55. Kerajaan Negeri senantiasa mengambil berat nasib dan kebajikan para pekebun kecil getah. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan **Insentif Pengeluaran Untuk Para Pekebun Kecil Getah** sebanyak **RM20** juta untuk mengimbangi ketidakstabilan harga getah semasa. Selain itu, sebanyak **RM17.01** juta diperuntukkan kepada **Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)** untuk tujuan perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memperkuuhkan asas industri ini, memastikan ia kekal relevan dan bersaing di persada antarabangsa.

## SEKTOR PERINDUSTRIAN

### Pelaburan Asing dan Domestik

Tuan Speaker,

56. Kepesatan pertumbuhan sektor perindustrian di Sabah telah menarik kemasukan pelaburan-pelaburan baharu. Ini terbukti apabila Sabah telah tersenarai sebagai negeri kelima tertinggi menerima pelaburan asing dan domestik dengan jumlah nilai **RM9 bilion** di sektor-sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan setakat pertengahan tahun 2023. Justeru itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM124.06 juta** untuk tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi melonjakkan lagi pembangunan sektor ini.

57. Saya ingin berkongsi sedikit berkaitan perkembangan pelaburan asing di Sabah yang telah mewujudkan nilai tambah dan merancakkan pembangunan sektor perindustrian di negeri ini. Pelaburan **Syarikat SK Nexilis Malaysia Sdn. Bhd.** dari Korea Selatan dan **Kumpulan Kibing** dari China telah membawa masuk pelaburan sebanyak **RM6.76 bilion** ke Sabah. Setakat bulan Oktober 2023, status kemajuan pembinaan kilang kerajang tembaga (*copper foil*) Syarikat SK Nexilis di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) mencapai 96.8 peratus dan telah memberikan pekerjaan kepada seramai 2,295 atau 56 peratus anak Sabah di peringkat pembinaan kilang, manakala seramai 275 atau 91 peratus pula terlibat dalam pengoperasian kilang.

58. Untuk makluman, kilang ini telah mengeluarkan dan mengeksport kerajang tembaga yang pertama berjumlah 102 tan ke Amerika Syarikat pada 23 Oktober 2023 yang lalu. Selain itu, Syarikat SK Nexilis melalui syarikat subsidiarinya telah menambah pelaburan di Sabah bagi kilang *copper granulation* di KKIP dengan anggaran nilai pelaburan berjumlah RM300 juta. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 70 peluang pekerjaan.

59. Manakala, status kemajuan pembinaan kilang pembuatan kaca solar (*solar panel*) oleh syarikat **Kumpulan Kibing** di **KKIP** telah mencapai tahap **72 peratus** dan dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2024. Sementara itu, pembinaan **kilang pemprosesan pasir silika** oleh syarikat yang sama di **Sikuati, Kudat** telah

mencapai **85 peratus** dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini. Pada masa ini, bilangan anak Sabah yang bekerja di kilang pembuatan kaca solar di KKIP adalah seramai 1,100 orang dan seramai 164 orang bekerja di kilang pemprosesan pasir silika di Sikuati, Kudat.

Tuan Speaker,

60. Usaha gigih Kerajaan Negeri menarik pelaburan ke Sabah ternyata membawa hasil. Sebuah syarikat baharu diterajui oleh pelabur asing yang berpangkalan di Singapura iaitu Syarikat Esteel Enterprise Sabah Sdn. Bhd. (ESTEEL Sabah) telah melabur dalam projek keluli hijau di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP). Nilai pelaburan tersebut mencecah sehingga **RM19.8 bilion** melalui tiga (3) fasa pelaburan dan dijangka mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan untuk anak Sabah.

61. Bagi pelaburan domestik pula, pada tahun ini, Syarikat Borneo Cement (Sabah) Sdn. Bhd. dengan anggaran pelaburan bernilai **RM2 bilion** melalui dua fasa pelaburan akan menerajui pembangunan sebuah kilang bersepadu klinker dan simen di daerah Tongod. Pelaburan ini akan mewujudkan sebanyak 1,000 peluang pekerjaan sekaligus akan meningkatkan taraf Daerah Tongod sebagai daerah yang berdaya maju.

Tuan Speaker,

62. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM38 juta** kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), KKIP Sdn. Bhd., POIC Sabah Sdn. Bhd. dan Sabah Oil and Gas Development Corporation (SOGDC) bagi melancarkan kerjasama pelaksanaan pelaburan dan projek-projek terpilih. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM28.79 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan projek pembangunan infrastruktur di KKIP, SOGIP dan Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Lahad Datu agar taman-taman perindustrian tersebut lebih kondusif untuk menarik pelaburan di Sabah.

63. Selain daripada menyokong kepada inisiatif bagi penggalakan kemasukan pelaburan asing dan domestik ke Sabah, Belanjawan ini juga menyokong kepada peningkatan kapasiti usahawan mikro dan perniagaan tempatan supaya berdaya saing dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui program-program yang dirangka oleh Kerajaan Negeri.

### **Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Keusahawanan**

64. Pembangunan IKS adalah pemangkin utama kepada industri pembuatan. Pelbagai program keusahawanan dilaksanakan bagi melonjakkan pembangunan IKS melalui pembangunan kapasiti, berdaya tahan dan berdaya saing para usahawan IKS Sabah.

65. Kolaborasi antara Kerajaan Negeri dengan Pasaraya Bataras dan Kedai Mesra Petronas akan diterus dan dipergiatkan lagi untuk memasarkan produk IKS Sabah. Usaha ini dapat memberi peluang kepada pengusaha IKS meningkatkan hasil jualan. Kita harus sedar bahawa, banyak produk tempatan berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa jika diberi peluang dan diterokai lebih lanjut.

66. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus menghantar penyertaan usahawan tempatan ke ekspo bertaraf antarabangsa antaranya ke *Gulfood Dubai* di Emiriah Arab Bersatu dan *World's Food Expo (WOFEX)* di Manila, Filipina. Penglibatan usahawan kita dalam ekspo antarabangsa ini akan memberi pendedahan serta pengalaman untuk mempelajari bagaimana sesuatu produk dipasarkan dengan efektif sehingga mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Tuan Speaker,

67. Pembangunan modal insan adalah pemacu signifikan pertumbuhan ekonomi negeri. Pentingnya ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah untuk menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berdasarkan pengetahuan, teknologi dan inovasi. Maka, bagi merealisasikan aspirasi tersebut, Belanjawan ini juga bertujuan untuk melahirkan lebih ramai usahawan berkemahiran tinggi melalui pelaksanaan pelbagai program seperti Program Pemerkasaan Usahawan Sabah dan Program Tunas Niaga.

68. Kerajaan Negeri juga melalui Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan akan meneruskan **Program Bantuan SME-UP** dengan peruntukan sebanyak **RM15 juta**. Setakat ini, program ini telah berjaya melahirkan lebih lima ribu usahawan IKS Sabah.

69. **Pepatah suku kaum Brunei mengatakan, “inda bekarih, inda belurih”** yang membawa maksud “**tiada usaha, maka tiadalah kejayaan**”. Sukacita saya ingin memperkenalkan Puan Anita binti Mohamed yang berasal dari Lahad Datu, peserta **Program Bantuan SME-UP**, pemilik syarikat Bumiputera **AFCL BIOSCIENCE SDN. BHD.** yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan domestik dengan pelbagai jenis produk kosmetik dan minyak wangi. Dengan kegigihan dan berkat usaha ini, beliau sedang menikmati kejayaan nilai jualan domestik dan eksport produk yang mencecah RM4.75 juta setahun.

70. Seorang lagi usahawan sosial iaitu Puan Emily binti Jeneble yang berasal dari Keningau, merupakan pemenang **Program Pitchborneo** melalui idea ‘**Evolusi Kraf Batu Lunguyan**’. Beliau telah berjaya menerima banyak anugerah dalam negeri dan juga luar negara seperti *International Craft Award 2023* yang merupakan anugerah pencapaian sepanjang hayat terhadap sumbangan dalam pembangunan kraf dan pembabitan masyarakat. Hari ini saya turut menggunakan produk beliau iaitu beg fail dengan corak kelarai bermotif “*Pinuru langsat*” yang menjadi jata perpaduan dan *paper holder* dari anyaman buluh dengan motif “*sinulih*” yang bermakna ikatan dan kerjasama. Untuk makluman semua Ahli Dewan, Kerajaan Negeri telah menghadiahkan *Vinatu Folder* produk Puan Emily kepada setiap Ahli Dewan bagi menyokong produk beliau. Ini adalah tanda sokongan padu Kerajaan Negeri, bukan sahaja kepada kekayaan warisan tradisi Sabah, tetapi juga kepada industri kreatif tempatan yang menjana ekonomi akar umbi.

71. Selain itu, Program peningkatan ilmu dan kemahiran kumpulan sasar dan belia juga dilaksanakan melalui Program Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Usahawan Ko-Nelayan yang diperuntukkan sebanyak **RM6.99 juta** pada tahun 2024. Program-program tersebut akan memanfaatkan lebih 100 orang dari kalangan nelayan artisanal, usahawan kecil hiliran perikanan dan akuakultur. Skim bantuan bagi membantu golongan ini meluaskan skala perusahaan dan meningkatkan produktiviti, output serta pendapatan daripada hasil perusahaan mereka.

72. Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah turut menggalakkan kegiatan usahawan luar bandar untuk mengusahakan produk tempatan seperti pembuatan gong, gubahan bunga, pembuatan manik dan produk makanan berdasarkan bahan tempatan. Untuk tujuan ini, sebanyak **RM2.41 juta** diperuntukkan di bawah Program Satu Daerah Satu Produk, Pembangunan Usahawan Desa dan Program Industri Desa.

Tuan Speaker,

73. Projek pembangunan rumah kedai akan memanfaatkan peniaga dan usahawan tempatan seterusnya melonjakkan perkembangan industri IKS. Oleh itu, sebanyak **RM8.9 juta** diperuntukkan bagi pembinaan serta menaiktaraf kedai dan hotel di Pulau Bum-Bum Semporna, kedai-kedai di Kalabakan, Matunggong dan Weston serta kedai sosioekonomi Kg. Padas Damit, Beaufort.

74. Selain itu, Kerajaan Negeri akan mewujudkan empat (4) lagi Pusat Produk IKS atau IKS Mart di Sandakan, Keningau, Kalabakan dan Luyang. Ini adalah susulan daripada kejayaan IKS Mart sedia ada antaranya IKS Mart di Beaufort, Tuaran, Kota Marudu dan Ranau serta di Oceanus Mall Kota Kinabalu. Inisiatif ini akan membantu membangunkan sektor IKS dengan menyediakan ruang kepada usahawan-usahawan tempatan untuk mengumpul, mempromosi dan menjual keluaran usahawan tempatan dari seluruh daerah sekaligus meningkatkan hasil jualan dan eksport ke negara-negara jiran.

Tuan Speaker,

75. Sebagai tambahan, bagi menyokong pembangunan IKS di Sabah, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pinjaman Sabah sedang mempertimbangkan Program Mikro Kredit iaitu Skim Pembiayaan Pinjaman kepada usahawan dan peniaga kecil luar bandar dengan menawarkan kadar faedah yang berpatutan. Program ini dijangka akan memanfaatkan seramai 160 bakal usahawan baharu dan perniagaan kecil sedia ada.

## SEKTOR PELANCONGAN

### Industri Pelancongan

Tuan Speaker,

76. Sabah kekal sebagai destinasi tumpuan pelancong. Setakat Jun 2023, seramai 1.2 juta kedatangan pelancong direkodkan dengan anggaran RM2.45 bilion resit pelancongan. Jumlah ini meningkat sebanyak 69.1 peratus berbanding hanya seramai 708,641 orang dengan RM1.19 bilion resit pelancongan dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Peningkatan ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan di Sabah terus menunjukkan pertumbuhan kukuh untuk tahun ini dan tahun 2024.

77. Kepesatan pertumbuhan industri pelancongan Sabah ini disokong dengan rangkaian udara yang lebih baik. Pada ketika ini, Sabah memperolehi sebanyak 367 penerbangan domestik dengan 61,237 kapasiti tempat duduk seminggu ke bandar-bandar utama di Malaysia. Bagi sektor penerbangan antarabangsa pula, Sabah kini dihubungkan ke 15 destinasi antarabangsa iaitu dengan 120 penerbangan seminggu dan 21,592 kapasiti tempat duduk.

78. Sebagai persediaan ke arah penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Negeri turut mengaktifkan acara ikonik seperti Mount Kinabalu International Climbathon dan Sabah Fest pada tahun hadapan. Selain itu, Biro Konvesyen Sabah yang telah diperuntukkan sebanyak **RM5 juta** pada tahun hadapan akan membantu dan memberi sokongan kepada organisasi dan persatuan untuk menganjurkan acara *Meetings, Incentive, Conference, Events* (MICE) di negeri ini. Inisiatif ini akan menarik delegasi *Business Events* yang berpotensi serta menjadikan negeri Sabah terkenal dengan pasaran *leisure* oleh para pelancong serta pengembangan kepada segmen *Business Events*.

79. Produk pelancongan seperti Pelancongan Berasaskan Komuniti merupakan segmen ekopelancongan yang semakin mendapat perhatian dari pelbagai lapisan masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mengoptimumkan pembangunan produk dan destinasi pelancongan luar bandar yang

berpotensi untuk dibangunkan, dinaiktaraf dan diselenggara dengan peruntukan sebanyak **RM106.14 juta**.

### **Budaya dan Warisan**

Tuan Speaker,

80. Keistimewaan dan keunikan Negeri Sabah yang mempunyai kepelbagaiannya warisan, etnik, budaya dan kaum di Sabah adalah aset yang penting sebagai tarikan pelancong dan perlu terus dipelihara serta dilindungi sebagai lambang ketamadunan masyarakat negeri ini. Ini adalah selari dengan Pelan Induk Pembangunan Kebudayaan Negeri Sabah 2020-2030 yang dilaksanakan merangkumi pembangunan Sistem Pemetaan Budaya, menaiktaraf kemudahan-kemudahan pelancongan, pemeliharaan dan pemuliharaan dokumentasi khazanah warisan dan budaya serta kawasan bersejarah. Justeru, peruntukan sebanyak **RM39.19 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri sebagai tanda komitmen untuk membangunkan khazanah budaya dan sejarah sebagai produk pelancongan.

## **MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

### **Modal Insan Dan Teknologi Maklumat**

Tuan Speaker,

81. Ilmu mengatur pengetahuan, kearifan mengatur kehidupan. Seperti falsafah Cina “zhīshì shì bǎokù, shíjiàn shì yàoshi (知识是宝库, 实践是钥匙)” atau dalam Bahasa Inggeris “*knowledge is a treasure, practice is the key to it*”. Ungkapan ini menggambarkan ilmu itu sangat penting bagi melahir dan membentuk seorang modal insan yang berilmu dan berkualiti melalui pembelajaran yang berterusan dan mengaplikasikan apa yang dipelajari.

82. Oleh itu, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan teliti agar dapat melahirkan sumber tenaga yang berpengetahuan, berkemahiran, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang seterusnya menjadi aset penting kepada kemajuan kehidupan sejagat. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri terus memperkuatkan lagi

pembangunan modal insan dengan penyediaan peruntukan sebanyak **RM474.55 juta** pada tahun hadapan.

83. Antara program modal insan yang menjadi keutamaan Kerajaan ialah:

- Pertama : **RM101 juta** untuk biasiswa dan dermasiswa kepada 1,500 orang bakal pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi;
- Ke-2 : **RM131 juta** untuk pembangunan dan operasi sekolah agama Islam dan masjid serta program-program kerohanian di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah;
- Ke-3 : **RM56.75 juta** untuk pembangunan badan-badan keagamaan bukan Islam, sekolah mubaligh, sekolah jenis kebangsaan dan persendirian;
- Ke-4 : **RM44 juta** bantuan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pengajian serta bantuan bagi menyokong institusi-institusi pendidikan;
- Ke-5 : **RM44.57 juta** untuk pembangunan dan operasi perpustakaan termasuk perpustakaan desa dan perpustakaan bergerak di seluruh negeri;
- Ke-6 : **RM27.45 juta** untuk pelaksanaan pelbagai program, latihan dan kursus kemahiran di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia;
- Ke-7 : **RM12.92 juta** untuk pelaksanaan kursus-kursus dan penyelidikan di institut-institut pertanian; dan
- Ke-8 : **RM33 juta** untuk pelaksanaan kursus dan latihan kemahiran sains, teknologi dan inovasi.

84. Seiring dengan perkembangan arus pendigitalan dunia tanpa sempadan, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasa dan mempercepatkan pembangunan prasarana ICT di Sabah antaranya ialah:

- Pertama : Pemasangan 300 buah *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) akan membolehkan penduduk di kawasan pedalaman menerima akses jalur lebar melalui program kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- Ke-2 : **RM43.49 juta** untuk menaiktaraf rangkaian internet di 1,031 buah premis Kerajaan Negeri termasuk di Pusat-Pusat e-Desa menggunakan gentian optik berkelajuan minima kepada 300 mbps; dan
- Ke-3 : **RM27.17 juta** untuk memperkasa keselamatan siber serta mengukuhkan pemantauan, pengesanan dan pelaporan ancaman siber khususnya jaringan internet Kerajaan Negeri bagi memudahkan akses maklumat oleh rakyat.

85. Melalui Memorandum Persefahaman antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan China Science and Technologi Museum (GSTM), anak Sabah yang berminat dalam bidang *science, technology, engineering, and mathematics* (STEM) akan berpeluang untuk mengikuti sesi pembelajaran secara interaktif melalui penyertaan dalam pameran yang dianjurkan untuk mendapatkan pendedahan. Sebanyak 60 bahan akan dipamerkan dalam tempoh tiga tahun mulai September 2023 hingga Ogos 2026. Pada tahun hadapan, pameran ini akan diadakan di Membakut, Beaufort, Sipitang, Tenom dan Tawau.

86. Selain itu, Pusat Ekonomi Kreatif dan Inovasi Sabah (SCENIC) akan juga meneruskan pelbagai program bagi memastikan bakat modal insan di Sabah terus digilap termasuk memacu industri animasi negeri sebagai Pusat Latihan Berlesen Toon Boom pertama di Malaysia. Untuk makluman, SCENIC telah dinobatkan Anugerah Khas - The Most Impactful Public Agency in Driving Digital Adoption di Top Tech Innovation Award 2022 yang disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

## KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT

Tuan Speaker,

87. Selaras dengan Hala Tuju SMJ, Kerajaan Negeri juga komited dalam memperbaiki serta meningkatkan taraf sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat.

### Kebajikan Rakyat

88. Sebanyak **RM26.06** juta diperuntukkan untuk meneruskan **Program Bantuan Sosial Sekolah** iaitu bantuan pakaian seragam dan kasut sekolah, alat tulis serta botol air pada tahun hadapan yang melibatkan sebanyak 1,075 buah sekolah rendah dengan memanfaatkan seramai 291,414 anak Sabah. Bantuan ini diharapkan akan meringankan bebanan keluarga dan seterusnya mendorong ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah.

89. Selain itu, pelbagai program untuk kesejahteraan rakyat seperti Program Kekeluargaan, Kepenggunaan dan Program Kesedaran Penyalahgunaan Dadah khususnya kepada para pelajar dan masyarakat rentan akan diteruskan pada tahun hadapan.

90. Kerajaan Negeri turut menghargai sumbangan pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan yang turut menghulurkan bantuan dan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar. Justeru itu, sebanyak **RM3.43** juta bantuan dalam bentuk geran diperuntukkan kepada Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah untuk menyelaras dan menggalakkan aktiviti sukarela kebajikan dan akan diagihkan juga kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan berkaitan.

Tuan Speaker,

91. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Oleh itu, sebanyak **RM123.55 juta** diperuntukkan bagi mengurus dan melaksanakan program-program kebajikan yang berpaksikan rakyat bagi mengurangkan jurang ketaksamaan sosioekonomi serta meringankan beban rakyat. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM76.27 juta** adalah untuk pemberian Bantuan Am Kebajikan kepada Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, anak yatim dan ibu tunggal.

92. Di samping itu, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) di bawah Inisiatif *Flagship* SMJ akan diteruskan bagi memberi peluang kepada kanak-kanak di luar bandar mendapat pendidikan awal. Seramai 835 orang anak Sabah telah mendapat manfaat dari 35 buah PPPK sejak ia diperkenalkan. Dalam masa yang sama, Program *Homeward* yang telah memanfaatkan seramai 970 orang setakat ini juga diteruskan untuk membantu mereka yang memerlukan kerana mengalami keadaan sakit terlantar dan OKU.

### **Wanita, Belia dan Sukan**

Tuan Speaker,

93. Demi membudayakan kesaksamaan gender dan membangun potensi wanita, Kerajaan Negeri memastikan golongan wanita turut mendapat peluang dan faedah yang sama. Justeru itu, sebanyak **RM6.27 juta** diperuntukkan kepada **Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah** bagi mengurus dan memperkasa kesejahteraan wanita melalui pelbagai program pembangunan modal insan.

94. Selain itu, sebanyak **RM11 juta** turut disediakan melalui **Yayasan Usaha Maju** (YUM) untuk membantu suri rumah, ibu tunggal, peniaga kecil-kecilan, petani, penternak, nelayan dan usahawan kecil yang memerlukan modal pinjaman mikro bagi mengusahakan kegiatan-kegiatan ekonomi. Setakat ini, seramai 44,183 orang melalui 134,913 pinjaman berulang telah dibantu di bawah Skim Pinjaman Mikro oleh YUM.

Tuan Speaker,

95. Kerajaan Negeri komited kepada **pembangunan belia dan kemajuan sukan** di negeri ini. Justeru itu, sebanyak **RM100.17 juta** diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus serta pembangunan belia dan kemajuan sukan di Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM16.89 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan yang menjurus kepada pemerkasaan belia bagi mencapai kesejahteraan sosioekonomi sejajar dengan Dasar Belia Sabah.

96. Sabah mempunyai visi untuk "Molahirkan Atlet Bertaraf Dunia" dengan berlandaskan kepada tiga teras utama iaitu Sukan Prestasi Tinggi, Industri Sukan dan Sukan Massa. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM27.13 juta** untuk mengurus dan membangunkan industri sukan negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2.08 juta** diperuntukkan untuk pembangunan Sukan Massa, **RM20 juta** lagi untuk tujuan pengurusan dan pembangunan sukan prestasi tinggi oleh Majlis Sukan Negeri Sabah dan **RM5.05 juta** untuk pemberian sukan.

97. Tahniah diucapkan kepada 16 orang atlet Sabah yang telah menyertai kontinjen negara ke Sukan Asia 2023 di China dan membawa pulang dua pingat perak untuk sukan karate dan dua pingat gangsa untuk sukan pelayaran dan olahraga. Kerajaan Negeri juga akan menghantar atlet untuk menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak pada bulan Ogos 2024. Semoga kontinjen Sabah akan pulang dengan kejayaan yang boleh kita banggakan. Insya-Allah.

98. Bagi kemudahan penggiat sukan dan masyarakat umum, Kompleks Sukan Tongod dan Kota Marudu dengan peruntukan sebanyak **RM3 juta** dijadualkan siap pada tahun hadapan.

## Pembangunan Bandar dan Luar Bandar

Tuan Speaker,

99. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan pembangunan wilayah yang seimbang dengan merapatkan jurang pembangunan di antara kawasan bandar dan pekan di seluruh negeri Sabah. Penekanan akan terus diberi terhadap usaha mentransformasi penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); memantap dan melestarikan pembangunan sektor perumahan; perancangan pembangunan guna tanah yang mampan dan sistematik; serta memantapkan fungsi dan peranan Mahkamah Anak Negeri. Untuk tujuan tersebut, peruntukan sebanyak **RM210.02 juta** disediakan di bawah perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

100. Untuk keselesaan para peniaga dan masyarakat serta meningkatkan pendapatan PBT melalui kutipan sewaan dan lesen-lesen perniagaan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM13.57 juta** untuk melaksanakan program pembangunan prasarana awam.

101. Selain itu, sebanyak **RM6.72 juta** diperuntukkan untuk tujuan memastikan pembangunan tanah di bandar dan luar bandar termasuk perairan di seluruh Sabah agar lebih teratur, progresif dan mampan selaras dengan Pelan Struktur Negeri Sabah 2033. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1.2 juta** disediakan bagi penyediaan pelan-pelan tempatan.

Tuan Speaker,

102. Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat khususnya untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Pembangunan Bandar (LPPB) akan meneruskan usaha menyiapkan projek pembinaan perumahan awam mampu milik di Daerah Tenom, Kinabatangan dan Pitas pada tahun hadapan. Di samping itu, peruntukan sebanyak **RM2.25 juta** disediakan bagi memastikan perancangan Kerajaan Negeri untuk terus memacu dan membolehdaya pertumbuhan ekonomi dapat direalisasikan dengan agenda pembangunan Pekan-Pekan Baharu seperti di Pagalungan dan Sukau.

103. Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan untuk mengangkat dan memartabatkan adat warisan, budaya, kepercayaan etnik, melantik Ketua-Ketua Adat, menjaga dan memastikan Undang-Undang Mahkamah Anak Negeri di landasan yang adil, saksama, dihormati dan terpelihara. Justeru itu, sebanyak **RM51.9 juta** diperuntukkan untuk memastikan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran khususnya masyarakat di luar bandar tercapai. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1.75 juta** diperuntukkan untuk meneruskan pelaksanaan projek pembinaan Mahkamah Anak Negeri Tamparuli, Sook, Paitan dan Pagalungan pada tahun 2024.

Tuan Speaker,

104. Untuk memastikan golongan sasar luar bandar tidak tercincir daripada arus pembangunan, maka Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) komited untuk melaksanakan beberapa usaha yang berterusan seperti berikut:

Pertama : **RM125 juta** diperuntukkan untuk Pembinaan Rumah Mesra SMJ dan **RM3 juta** diperuntukkan untuk pembinaan Rumah Sejahtera Rakyat Sabah bagi memanfaatkan rakyat Sabah di luar bandar yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri;

Ke-2 : **RM120 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja di bawah peruntukan khas dan projek pembangunan kecil ke atas pembinaan atau penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam asas di seluruh Sabah;

Ke-3 : **RM3 juta** diperuntukkan untuk Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA) dan Program Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA); dan

Ke-4 : **RM16.68 juta** diperuntukkan bagi meneruskan program penambahbaikan kegiatan aktiviti ekonomi desa; membangun ameniti atau kemudahan asas sedia ada dan baharu; serta membangun modal insan secara bersepadu di kawasan Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan Kampung Sejahtera.

105. Bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri telah menaiktaraf Pejabat Daerah Kecil Membakut kepada Pejabat Daerah penuh sejak 30 Mac 2022. Manakala, Pejabat Daerah Kecil Sukau dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2024.

106. Selain itu, bagi memantapkan lagi keberkesanan tanggungjawab dan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam merancang dan melaksanakan pelan tindakan pembangunan di peringkat kampung, maka KPLB telah menjadualkan beberapa siri Kursus Pengurusan dan Pentadbiran JKKK untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

## JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

### Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Tuan Speaker,

107. Kerajaan Negeri prihatin dengan keresahan rakyat Sabah terhadap masalah kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang seolah-olah tidak berpenghujung. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada program pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan raya; jambatan; cerun; perparitan; perkhidmatan pembetungan; keretapi; pelabuhan dan dermaga; pengurusan trafik; bangunan kerajaan serta kemudahan asas yang kritikal iaitu bekalan air dan elektrik. Usaha ini bukan sahaja sebagai pemangkin untuk memperkuuhkan ekonomi negeri, tetapi juga memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat pada tahap yang lebih selesa.

108. Kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dibuktikan melalui penyediaan peruntukan terbesar dalam Belanjawan ini iaitu sebanyak **RM2.63 bilion**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1.72 bilion** diperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya Sabah dan jabatan di bawahnya, manakala **RM886.55 juta** di bawah Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan lain yang berkaitan.

Tuan Speaker,

109. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM679.85 juta** untuk mengurus dan menangani masalah kekurangan bekalan air bersih yang kritikal. Di bawah Program Bekalan Air Negeri biayaan Kerajaan Negeri, Jabatan Air Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak **RM156.77 juta** bagi melaksanakan program-program penyelesaian serta merta dan jangka pendek.

110. Bagi program penyelesaian jangka sederhana dan jangka panjang, peruntukan sebanyak **RM258.05 juta** akan dibiayai di bawah Program Pinjaman Mudah Persekutuan sebagai tindakan penyelesaian bekalan air di daerah Tawau, Lahad Datu, Sandakan, Papar dan juga Kota Kinabalu.

111. Selain daripada itu, bagi meningkatkan liputan perkhidmatan bekalan air terawat termasuk membangunkan infrastruktur bekalan air baharu di luar bandar, Geran Persekutuan sebanyak **RM135.86 juta** telah disediakan untuk melaksanakan Program Bekalan Air Luar Bandar melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Malaysia.

112. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada penyelenggaraan infrastruktur sedia ada bagi memastikan infrastruktur fizikal seperti jalan raya, jambatan dan bangunan awam berfungsi dengan selamat dan berdaya tahan. Justeru itu, pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya akan memfokuskan kepada pemeliharaan infrastruktur dengan peruntukan sebanyak **RM430.84 juta**.

Tuan Speaker,

113. Bagi mengurus dan melaksana pelbagai program penyediaan prasarana fizikal dan kemudahan-kemudahan pembetungan, pengurusan operasi serta penyelenggaraan aset pembetungan, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM99.07 juta**. Di samping itu, melalui Pinjaman Persekutuan sebanyak **RM169.55 juta** disediakan untuk meneruskan projek-projek di bawah Program Skim Pembetungan Sabah.

114. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM25.24 juta** bagi menyediakan **perkhidmatan kawalan dan penjagaan keselamatan lalu lintas perairan serta pembangunan kemudahan pelabuhan** di seluruh Sabah. Sebagai tambahan, kemudahan peralatan penentu kedudukan di menara-menara kawalan di bawah seliaan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga juga akan dinaiktaraf bagi memastikan proses kawalan dan pemantauan trafik perkapalan di beberapa had pelabuhan (*port limit*) yang aktif bagi mengelakkan insiden kemalangan dalam kawasan pelabuhan.

115. **Perkhidmatan keretapi** adalah antara pengangkutan awam yang penting dan murah. Dengan itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM58.62 juta** bagi menambah baik perkhidmatan keretapi dan infrastruktur pada tahun hadapan. Frekuensi perkhidmatan dan perkhidmatan baharu juga akan diperkenalkan secara berperingkat yang melibatkan sektor pelancongan dan rekreasi.

116. Selain itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM68.28 juta** untuk menangani dan mencegah banjir, program penstabilan dan pencegahan hakisan tebing sungai dan pantai di pelbagai lokasi terutamanya di kawasan berisiko banjir. Manakala sebanyak **RM51.26 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pembangunan Kemudahan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam yang melibatkan PBT, dan sebanyak **RM767.01 juta** diperuntukkan bagi projek infrastruktur kecil serta penyenggaraan jalan raya dan jambatan di bawah konsesi yang telah dilantik.

Tuan Speaker,

117. Dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) pada 10 Januari 2023, Kerajaan Negeri telah berjaya mengambil alih kuasa kawal selia bekalan gas daripada Kerajaan Persekutuan dengan penguatkuasaan Enakmen Bekalan Gas 2023 dan Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023. Susulan dengan ini, Kerajaan Negeri akan mengambil alih kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan pada 3 Januari 2024, di mana satu Persidangan Khas Dewan Undangan Negeri akan diadakan untuk membentangkan dua (2) Rang Undang-Undang baharu iaitu Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik Negeri Sabah 2024 dan Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu Negeri Sabah 2024, serta meminda Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.

118. Sejajar dengan kelulusan Rang Undang-Undang di Persidangan ini kelak, Kerajaan Negeri melalui pihak ECoS sebagai Badan Berkanun Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengawal selia aktiviti pembekalan tenaga elektrik di Sabah. Kita berharap dengan usaha ini Kerajaan Negeri akan berupaya membuat perancangan yang lebih teratur dan dapat mengatasi masalah perkhidmatan bekalan elektrik di negeri ini.

### **Kelestarian Hijau**

Tuan Speaker,

119. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM144.44 juta** pada tahun hadapan bagi melancarkan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan inisiatif demi mencapai pembangunan yang seimbang dengan mengambil kira elemen kelestarian hijau.

120. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa negeri Sabah mencatat sejarah apabila Geopark Kebangsaan Kinabalu telah diiktiraf sebagai **tapak ‘Geopark Global UNESCO Kinabalu’** dalam Mesyuarat Agung UNESCO pada bulan Mei 2023. Pengiktirafan yang berprestij ini telah menjadikan negeri Sabah sebagai salah satu daripada tiga lokaliti di dunia yang memiliki tapak ‘Mahkota-Tiga-Serangkai’ (*Triple Crown*) UNESCO, selepas Pulau Jeju, Korea Selatan dan Shennogjia, China. Penyertaan negeri Sabah di Pasaran Pelancongan Dunia London 2023 juga merupakan pembuka tirai *Triple Crown* UNESCO Sabah di persada dunia.

121. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perlindungan Alam Sekitar turut melaksanakan pelbagai aktiviti yang antara lain mengarusperdanakan perlindungan alam sekitar dalam setiap aktiviti pembangunan secara mampan dengan peruntukan sebanyak **RM7.81 juta**.

122. Prinsip pembangunan mampan harus diterapkan di negeri Sabah untuk menyokong inisiatif pertumbuhan hijau bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana. Beberapa kajian dan pelan tindakan perlu dilaksanakan antaranya:

- a) Penyediaan Laporan Petunjuk Alam Sekitar Negeri Sabah;
- b) Kajian Semula Pelan Pengurusan Pesisir Pantai Sabah;
- c) Penyediaan Garis Panduan Pemulihan Perlombongan dan Kuari; dan
- d) Kajian Kestabilan Cerun di Kundasang, Ranau.

123. Selaras dengan program Kelestarian Hijau dalam inisiatif Hala Tuju SMJ, keutamaan adalah diberikan kepada tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta pengurangan risiko bencana demi pertumbuhan ekonomi yang harmoni dengan kemampuan alam sekitar. Justeru, sebanyak **RM126.79 juta** telah diperuntukkan kepada **Jabatan Perhutanan Sabah dan Pusat Biodiversiti Sabah** bagi mengurus dan membangun khazanah negeri.

124. Pada tahun hadapan, Kajian Pembangunan Bioteknologi Sabah akan disiapkan supaya Kerajaan Negeri dapat mewujudkan **Sabah Biotechnology Action Blueprint 2024 - 2034** sebagai panduan penerokaan sumber biologi negeri secara sistematik dan mampan. Selain itu, Pembangunan Rekreasi Berasaskan Hutan, contohnya

Pembayaran Perkhidmatan Ekosistem dan Karbon merupakan sumber pendapatan alternatif yang boleh diterokai tanpa merosakkan sumber alam semulajadi.

125. Seperti Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, Majlis Tindakan Iklim Sabah adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menetapkan hala tuju serta menyelaraskan projek mitigasi dan adaptasi perubahan iklim di Sabah. Untuk itu, Unit Perubahan Iklim/Gas Rumah Kaca Negeri Sabah telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perhutanan Sabah dengan peruntukan mengurus sebanyak **RM3 juta**. Unit ini akan melaksanakan kerja-kerja awal sebagai asas untuk menetapkan polisi perubahan iklim dan perdagangan karbon serta menilai kebolehlaksanaan kesemua projek berkaitan dengan karbon di Sabah.

126. Prinsip Kelestarian Hijau juga memberi fokus kepada mengimbangi pembangunan sektor-sektor di Sabah dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*Green House Gas*). Ini akan menyumbang kepada Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon di peringkat Sabah yang sekaligus menyokong usaha kerajaan dalam menangani perubahan iklim serta komitmen untuk mencapai pelepasan karbon bersih sifar menjelang 2050.

## BADAN BERKANUN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

Tuan Speaker,

127. Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Agensi Awam Negeri agar kekal relevan dan berdaya maju. Sehubungan dengan itu, Syarikat Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun yang mempunyai modal saham milik Kerajaan Negeri adalah diseru untuk mencari dan meneroka peluang pelaburan yang berpotensi.

128. Saya ingin mengingatkan kepada Agensi Awam Negeri bahawa dana yang diterima daripada Kerajaan Negeri merupakan tanggungjawab dan amanah untuk membantu Kerajaan meningkatkan taraf sosioekonomi negeri. Setiap Agensi Awam Negeri perlu sentiasa menjamin kemampunan fiskal dan berkeupayaan merangka strategi terbaik seterusnya diterjemahkan dalam bentuk keuntungan.

129. Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak **RM140.23 juta** yang merangkumi dividen dan sumbangan. Jumlah ini dijangka akan meningkat lagi di penghujung tahun ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri mengucapkan syabas kepada Agensi Awam Negeri yang telah merekodkan keuntungan dan membayar dividen kepada Kerajaan Negeri iaitu:

- (i) SMJ Energy Sdn. Bhd.;
- (ii) Perbadanan Pinjaman Sabah;
- (iii) Qhazanah Sabah Berhad;
- (iv) Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.;
- (v) KKIP Sdn. Bhd.;
- (vi) Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.;
- (vii) Innoprise Corporation Sdn. Bhd.;
- (viii) Desa Plus Sdn. Bhd.;
- (ix) Tanjung Aru Eco Development Sdn. Bhd.;
- (x) Sabah International Dairies Sdn. Bhd.;
- (xi) Keningau Agro-Venture Sdn. Bhd.;
- (xii) Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.; dan
- (xiii) Sabah Air Aviation Sdn. Bhd..

Manakala dividen yang diperolehi melalui syarikat yang tersenarai di BURSA Malaysia adalah daripada:

- (i) Felda Global Venture Holdings Berhad;
- (ii) Petronas Dagangan Berhad;
- (iii) Suria Capital Holdings Berhad; dan
- (iv) Malaysia Airports Holdings Berhad.

Tuan Speaker,

130. Selain daripada menerima dividen, Kerajaan Negeri juga menerima sumbangan daripada:

- (i) POIC Sabah Sdn. Bhd;
- (ii) Lembaga Industri Getah Sabah;
- (iii) Progressive Insurance Berhad;
- (iv) Korporasi Pembangunan Desa;
- (v) Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah;
- (vi) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah;
- (vii) Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah;
- (viii) Lembaga Pemegang Amanah Taman - Taman Sabah; dan
- (ix) Korporasi Kemajuan Perikanan & Nelayan Sabah.

Tuan Speaker,

131. Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) adalah antara Badan Berkanun Negeri yang wajar dicontohi kerana berjaya merangka strategi dalam pengurusan kewangan sehingga memperolehi Sijil Tanpa Teguran Ketua Audit Negara selama tiga tahun berturut-turut bermula pada tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021. Sementara itu, Penyata Kewangan bagi tahun 2022 telah sempurna diaudit mengikut keperluan yang telah ditetapkan. MUIS juga telah berjaya mensifarkan hutang dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kewangan.

132. Selain itu, kejayaan SMJ Energy Sdn. Bhd. (SMJE) dalam melancarkan Sukuk Wakalah Pelbagai Matawang yang bernilai RM900 juta daripada RM10 bilion dengan penarafan tertinggi *Triple A* (AAA) perlu juga dicontohi. Program ini yang telah menerima lebih lanjut 3.9 kali ganda bernilai RM3.5 bilion daripada pelbagai pelabur di negara ini sekaligus mencerminkan keyakinan pelabur terhadap SMJE. Manakala, SOGDC yang telah distruktur semula pula merancang untuk membangunkan fasiliti sedia ada menjadi sebuah hab perindustrian minyak, gas dan petrokimia pilihan utama di Asia Pasifik. Syabas dan tahniah diucapkan.

## PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Tuan Speaker,

133. Perkhidmatan awam merupakan tunjang utama dalam jentera pentadbiran negeri. Dengan mengutamakan dasar telus dan keterbukaan dalam pengurusan projek sosial ekonomi dan pembangunan negeri, fungsi semak imbang telah ditambah dengan memperkasakan fungsi Bahagian Audit Dalam Kementerian Kewangan kepada Jabatan Audit Dalam yang ditempatkan di bawah Jabatan Ketua Menteri bermula tahun 2024. Jabatan ini akan memastikan Kementerian, Jabatan dan Agensi Awam Negeri mengoptimumkan keberhasilan peruntukan yang disediakan.

134. Kerajaan Negeri juga komited bagi memantap dan membudayakan integriti di kalangan anggota Perkhidmatan Awam Negeri secara menyeluruh. Peruntukan telah disalurkan kepada Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah (BIGONS) di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menyelaras program-program pembudayaan integriti dan anti rasuah demi kecemerlangan sistem pentadbiran negeri. Peruntukan juga disediakan kepada semua Kementerian dan Jabatan di bawah perbelanjaan mengurus bagi memastikan semua program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar.

135. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM25.06 juta** untuk menggalakkan pembelajaran berterusan di kalangan penjawat awam bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan, kepakaran dan kemahiran dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Pada tahun ini, bagi meningkatkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri telah mewujudkan sebanyak 799 jawatan baharu untuk mengisi keperluan tenaga kerja bagi mengimbangi bebanan kerja yang semakin mencabar dan kompleks.

Tuan Speaker,

136. Kerajaan amat menghargai atas komitmen dan usaha para penjawat awam dalam menggalas tugas yang telah diamanahkan demi keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, Kerajaan Negeri ingin membawa khabar gembira kepada semua Penjawat Awam Negeri Sabah khususnya kepada Kumpulan Perkhidmatan Sokongan yang menjadi penggerak utama jentera pentadbiran Kerajaan.

137. Seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM2,000** kepada semua penjawat awam negeri Sabah termasuk penjawat awam sementara, kontrak dan Pekerja Sambilan Harian. Bayaran Khas Kewangan ini akan dibayar secara dua kali iaitu **RM1,000** dibayar pada bulan Januari 2024 dan **RM1,000** lagi dibayar menjelang Hari Raya Aidilfitri 2024.

138. Saya berharap insentif ini akan memberi suntikan semangat kepada para penjawat awam negeri untuk terus bersemangat dan berusaha dengan lebih gigih lagi demi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

## PENUTUP

Tuan Speaker,

139. Tidak dapat dinafikan, pentadbiran negeri di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor bukan sahaja telah berjaya membangunkan ekonomi negeri dengan membawa masuk banyak pelaburan ke Sabah, tetapi juga berjaya menyatupadu dan mengekalkan keharmonian rakyat serta meningkatkan rizab Kerajaan Negeri.

140. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin memberikan penghargaan kepada warga Kementerian Kewangan Sabah atas komitmen dan kegigihan yang diberikan dalam mengawal selia pengurusan kewangan dan penyediaan Belanjawan Negeri sehingga kita mencapai pungutan hasil dan rizab yang tinggi. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, berkat usaha, komitmen, dan tata kelola yang baik, Kerajaan Negeri sekali lagi telah berjaya meraih pencapaian **Sijil Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2022**. Ini menunjukkan bahawa pengurusan kewangan dan akaun Kerajaan telah dilaksanakan dengan berhemah serta berlandaskan tatacara kewangan dan tadbir urus yang baik.

141. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Sabah adalah di antara empat (4) agensi di seluruh negara yang menerima anugerah Apresiasi Penambahbaikan Tata Kelola Agensi (APTA) oleh SPRM semasa Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Anti Rasuah (KITA) pada bulan Oktober lalu. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri amat serius dan segera mengambil tindakan untuk menambahbaik sistem serta tatacara kerja bagi mencegah berlakunya gejala rasuah dan salah guna kuasa agar budaya berintegriti berada di tahap tertinggi.

Tuan Speaker,

142. Saya ingin mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini dan semua rakyat Sabah tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik untuk berganding bahu merealisasikan perancangan dan pembangunan negeri yang merupakan matlamat perjuangan kita bersama. Marilah kita menyantuni dan mendengar keluhan serta rintihan rakyat yang memerlukan pembelaan.

143. Belanjawan 2024 sudah dibentang, dan sekarang kita sandarkan amanah ini kepada semua pihak yang berkenaan untuk melaksanakan dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab. Ada “*perambaan*” atau peribahasa suku kaum Bajau Samah yang berbunyi “*amun ai no ni enselan, baya' ni ngelut* - jika sudah diminyakkan, biarkan ia licin” yang juga membawa maksud “setiap kerja yang dilakukan itu perlulah dilunaskan dengan baik dan jayanya”.

144. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta rakyat yang beragama Kristian, selamat menyambut **Hari Krismas** dan kepada seluruh rakyat Sabah yang dikasihi, **Selamat Tahun Baharu 2024**.

*Daun kayu, daun selasih,  
Thank you, terima kasih.*

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadang.